

MAJLIS SANTAPAN DIRAJA BERSAMA ALUMNI UKM



Pada tanggal 9 Disember 2017, telah berlangsungnya Majlis Santapan Diraja Bersama Alumni UKM. D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM bersama D.Y.M.M. Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud telah berkenan mencemar duli di Majlis Santapan Diraja Bersama Alumni UKM.

Seramai 620 orang Alumni UKM telah hadir untuk memeriahkan majlis penuh bersejarah ini. Antara pengisian program ialah pelancaran logo Majlis Alumni, penyerahan cek sumbangan dan gimik sambutan 50 tahun UKM. Majlis ini berjaya mengumpul wang sumbangan sebanyak RM 366, 700.

Persatuan Alumni Sarawak Sumbang RM50,000



Persatuan Alumni Sarawak telah menyumbang sebanyak RM50,000 kepada Tabung Alumni UKM. Penyerahan cek telah disampaikan oleh Menteri Muda Jalan Pesisir Sarawak iaitu YBhg Datuk Haji Julaihi Narawi merangkap Presiden Persatuan Alumni UKM Sarawak kepada Canselor UKM, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir. Turut hadir ke majlis ini ialah Y.B. Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH WAKIL MALAYSIA KE ISS



Universiti Kebangsaan Malaysia ingin merakamkan tahniah diatas pelantikan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah (Ijazah Sarjanamuda Doktor Perubatan dan Sarjana Operasi (Surgeri Am), Fakulti Perubatan 1988,1994), Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembedahan Global, Persatuan Pembedahan Antarabangsa (ISS) yang mewakili Malaysia mulai tahun 2017 hingga 2021. Semoga dengan pelantikan ini, YBhg. Datuk dapat memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa akan datang seterusnya membawa organisasi yang diterajui ke tahap yang lebih baik dan membanggakan. Semoga YBhg Datuk akan terus berjaya dan cemerlang di masa hadapan



SAHUT CABARAN DEMI ANAK BANGSA

Felicia ak Kiai (Fakulti Pendidikan 2016) merupakan seorang guru di SK Ulu Pelagus, Kapit, Sarawak. Kegigihan beliau untuk mendidik anak bangsa telah mendorong beliau untuk menyambung pelajaran di peringkat Sarjana Pendidikan. Menggalas dua tanggungjawab sekaligus bukanlah mudah, Felicia perlu mengajar dari Isnin hingga Jumaat dan bergegas terbang ke Semenanjung untuk meneruskan pengajian pada hujung minggu. Kadang kala, Felicia perlu memberi fokus yang lebih kepada pelajar-pelajarnya memandangkan sekolah beliau terletak di kawasan pedalaman. Pada waktu tertentu, Felicia perlu menjaga pelajar yang sakit kerana kekangan kenderaan untuk menghantar pelajar ke hospital dalam kadar yang segera. Berbekalkan keazaman dan semangat yang kuat, Felicia telah berjaya menggenggam Ijazah Sarjana yang diidamkan. Semoga dengan kejayaan ini dapat mendorong pelajar-pelajarnya untuk turut berjaya di masa akan datang.